

**SOALAN NO. : 515**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA  
MAJU ]**

**TARIKH : -**

**SOALAN : 515**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah dan apakah kos yang akan ditanggung Kerajaan untuk menanggung Pasangan Panda Gergasi.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju menghadiahkan sepasang Giant Panda kepada Malaysia bagi tempoh 10 tahun semasa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Qinzhou, RRC pada 1 April 2012.

Pasangan Giant Panda ini ditempatkan di Zoo Negara yang dikendalikan oleh Malaysian Zoological Society (MZS). Urusan operasi penyelenggaraan dan pentadbiran ditanggung oleh Zoo Negara termasuk pekerja-pekerjanya antara lain menggunakan hasil kutipan tiket ke Pusat Konservasi Giant Panda.

Berdasarkan perjanjian, Kerajaan Malaysia perlu menyediakan anggaran peruntukan sebanyak USD 1 juta setiap tahun sebagai sumbangan konservasi Giant Panda.

Sekian, terima kasih

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju menghadiahkan sepasang Giant Panda kepada Malaysia semasa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Qinzhou, RRC pada 1 April 2012.

Satu Perjanjian Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan China Wildlife Conservation Association (CWCA) pada 15 Jun 2012 bertempat di Pejabat Perdana Menteri yang turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Tetamu Negara, wakil RRC, H.E. He Guoqiang. Kedua-dua Giant Panda yang bernama Fu Wa dan Feng Yi telah selamat tiba di Malaysia pada 21 Mei 2014 dan ditempatkan di Zoo Negara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan perjanjian, Kerajaan Malaysia perlu menyediakan anggaran peruntukan sebanyak RM3,835,925.00 setiap tahun bagi yuran konservasi Giant Panda, penyelenggaraan ladang buluh, kos latihan dan lawatan rasmi berkaitan projek konservasi Giant Panda, serta kos publisiti program konservasi Giant Panda.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pasangan Giant Panda tersebut akan dijagakan oleh 2 orang pegawai veterinar dan 6 orang *keeper*. Walau bagaimanapun, kos penjagaan Giant Panda ini serta lain-lain kos operasi harian adalah ditanggung terus oleh pihak Zoo Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

## ANGGARAN TANGGUNGAN TAHUNAN KERAJAAN MALAYSIA

Bil	Perkara	Anggaran
1	Yuran konservasi USD1 juta setahun untuk sepasang Giant Panda (*RM3,400,000/thn, USD1=RM3.40)	3,400,000
2	Dana penyelidikan konservasi Giant Panda	150,000
3	<i>Giant Panda Conference</i>	26,925
4	Penyelenggaraan Ladang buluh dan buluh di Paya Indah Wetlands (PIW)	36,000
5	Pelaksanaan Mesyuarat Joint Committee Giant Panda Kerajaan Malaysia-MZS	1,000
6	Penerbitan <i>short trailer/coffee table book/brochure</i>	50,000
7	Kerja-kerja penambahbaikan/penyelenggaraan tambahan hasil input China Wildlife Conservation Association (CWCA)	2,000
8	Latihan 14 hari kepada 10 kakitangan China di Malaysia ( <i>conservation of wildlife, development of ecological tourism and management of zoo</i> )	170,000
	<b>Jumlah</b>	<b>3,835,925</b>